

UMS-Huawei tandatangani MoU bagi pembangunan Kampus Pintar

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) kelmarin bagi kerjasama dalam beberapa bidang termasuklah berkaitan pembangunan kampus pintar.

Majlis pertukaran dokumen MoU diadakan di Kuala Lumpur sempena program Huawei Asia-Pacific Innovation Day dengan disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Seri Ong Ka Chuan; dan Ketua Pegawai Eksekutif Bergilir (Rotating) Huawei, Guo Ping.

Pada majlis itu, UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, manakala Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Abraham Liu Kang.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi dan Presiden Huawei bagi Wilayah Asia Tengah dan Caucasus, Liu Hongyun.

Dr. D Kamarudin dalam satu kenyataan berkata, kesediaan pihak Huawei untuk menjadi rakan industri UMS adalah amat dialu-alukan.

“Sebagai sebuah universiti ke arah proses Transformasi Universiti/Industri (IR) 4.0, pelbagai inisiatif telah dan sedang dirancang.

“Ini termasuklah pembangunan kampus digital dan mereka bentuk semula kurikulum prasiswazah mengikut keperluan IR 4.0,” katanya.

Menurut beliau, kerjasama akademia dan pihak industri seperti Huawei ini adalah penting untuk membantu UMS dalam merealisasikan agenda IR 4.0.

“Harapan saya, dengan kerjasama ini akan dapat meningkatkan lagi kapasiti dan keupayaan UMS untuk menghadapi era IR 4.0,” tambah Dr. D Kamarudin.